

Prestasi Akademik Pelajar Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia: Analisis Melalui Pilihan Kemasukan

Mohd Mizan Aslam¹ dan Abdull Halim Abdul²
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)
Blok B, Kompleks Pengajian Jejawi
Jalan Kangar-Arau, 02650 Arau, Perlis, Malaysia.
Tel: 019-4147337 / 04-9798401
019-4418300 / 04-9798353
Faks: 04-9798175
m.mizan@kukum.edu.my, abdhali@kukum.edu.my

Abstrak: KUKUM telah memulakan operasinya di Perlis pada tahun 2002 dengan sistem kampus teragih. Selepas empat tahun operasinya, pelbagai impak terhadap sosial dan akademik telah dikesan. Satu kajian telah dijalankan untuk melihat prestasi pelajar berdasarkan data-data sekunder sebenar yang diperolehi daripada rekod kemasukan pelajar-pelajar KUKUM melalui Unit Kemasukan dan Rekod dan Unit Peperiksaan Jabatan Pendaftar. Prestasi ini dinilai melalui tiga (3) pembolehubah utama yang melibatkan kemasukan pelajar melalui Matrikulasi, STPM dan Diploma. Selain itu, kajian ini juga mengambil kira kesan kemasukan pelajar terhadap prestasi akademik semasa menerusi pilihan pertama, kedua, ketiga dan lelong. Teknik pemilihan secara rawak sistematik telah digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan sampel kajian sebanyak 407 orang pelajar iaitu lebih 20% daripada populasi kajian. Hasil kajian ini mendapati prestasi pelajar melalui kemasukan secara lelong menunjukkan keputusan lebih baik berbanding kemasukan secara pilihan pertama, kedua dan ketiga. Secara keseluruhannya, keputusan prestasi akademik bagi kategori PNGK 3.33 ke atas, pelajar Cina (53.33%) lebih baik berbanding India (10.34%) dan Bumiputera (2.20%). Di samping itu, dapatan kajian prestasi akademik pelajar berdasarkan gender menunjukkan bahawa pelajar perempuan (70.73%-dengan PNGK 2.67 ke atas) adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki (47.74%-dengan PNGK 2.67 ke atas).

Kata kunci: Pool Lelong, PNGK, Mod Kemasukan, IPT.

PENDAHULUAN

Penubuhan KUKUM adalah bertujuan untuk membekalkan tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan bagi memenuhi hasrat menjadi negara maju menjelang 2020. Walau bagaimanapun, pelbagai pencapaian yang diperolehi oleh pelajar-pelajar ini perlu dipantau agar kualiti dan kredibilitinya terpelihara. Maka atas dasar ini kajian ini dirangka untuk melihat setakat mana pencapaian pelajar di KUKUM dari awal penubuhannya hingga kini. Kemudiannya satu kaedah terbaik akan dicadangkan untuk memastikan kecemerlangan ini sentiasa dapat dikekalkan. Kajian ini akan melihat:

- i) Prestasi akademik pelajar berdasarkan kelayakan PNGK kemasukan dan PNGK terkini peperiksaan di KUKUM
- ii) Perbandingan prestasi akademik pelajar berdasarkan mod kemasukan iaitu pelajar-pelajar yang memasuki KUKUM melalui kelayakan Matrikulasi, STPM dan Diploma.
- iii) Perbandingan prestasi akademik pelajar yang memilih KUKUM berdasarkan pelajar yang memilih KUKUM berbanding pelajar yang diambil melalui 'pool' lelong.

¹ Mohd Mizan Mohammad Aslam adalah pensyarah Pengajian Ketamadunan di KUKUM.

² Abdull Halim Abdul merupakan Pengarah Unit Matematik dan Simulasi Kejuruteraan KUKUM.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

- a. Untuk mengenalpasti kaitan antara jantina, etnik, pendapatan, mod kemasukan, dan PNGK kemasukan dengan prestasi akademik pelajar di KUKUM
- b. Untuk meneliti kelayakan pelajar yang memilih KUKUM berdasarkan keputusan Matrikulasi, STPM dan Diploma.
- c. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar.
- d. Membuat perbandingan prestasi pelajar yang memilih KUKUM dengan pelajar yang diambil daripada “pool” lelong.

METODOLOGI

a. Pendekatan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian penerokaan dan ianya menggunakan pendekatan deskriptif dan disusuli dengan ulasan statistik. Data yang dikumpulkan dianalisis untuk mencari pola prestasi akademik di kalangan pelajar-pelajar KUKUM. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, diharapkan kajian lanjut yang lebih terperinci dapat dilakukan.

b. Sampel Kajian

Sampel terdiri daripada 407 orang pelajar KUKUM (melebihi 20 peratus daripada populasi) telah dipilih daripada 10 program pengajian yang terdapat di KUKUM. Teknik pemilihan rawak sistematik digunakan untuk memilih pelajar-pelajar di atas. Data yang terdapat di dalam rekod Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar dan Unit Peperiksaan (sekunder) digunakan.

c. Analisis Data

Data yang dikumpulkan dimasukkan ke dalam komputer untuk dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS versi 13.0. Peratusan dan ujian statistik yang berkaitan digunakan.

PROFIL RESPONDEN

A. Latar Belakang Responden Kajian

- i. Seramai 407 orang pelajar KUKUM telah dipilih secara rawak sebagai profil kajian ini yang terdiri daripada 10 program pengajian yang ditawarkan di KUKUM.
- ii. Daripada 407 responden 108 responden merupakan pelajar Tahun 4 (26.5%), 150 responden merupakan pelajar Tahun 3 (36.9%) dan 149 responden pula merupakan pelajar Tahun 2 (36.6%).

Jadual 1: Tahun Pengajian

Tahun	Frekuensi	Peratus
2	149	36.6
3	150	36.9
4	108	26.5
Jumlah	407	100.0

iii. Berikut merupakan hasil dapatan yang diperolehi daripada responden tersebut :

- a. Komposisi gender: 59.7% responden ialah lelaki manakala 40.3% ialah perempuan.

Jadual 2: Komposisi Menurut Gender

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	243	59.7
Perempuan	164	40.3
Jumlah	407	100.0

- b. Komposisi menurut etnik: Majoriti responden adalah Bumiputera (78.1%) diikuti responden dari kumpulan etnik Cina (14.7%) dan India (7.1%).

Jadual 3: Komposisi Menurut Etnik

Etnik	Frekuensi	Peratus
Bumiputera	318	78.1
Cina	60	14.7
India	29	7.1
Jumlah	407	100.0

- c. Komposisi menurut program pengajian: 407 responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar daripada 10 program pengajian yang ditawarkan seperti jadual berikut ;

Jadual 4: Program Pengajian

Program Pengajian	Frekuensi	Peratus
Mikroelektronik	89	21.9
Elektronik	30	7.4
Komputer	80	19.7
Perhubungan	30	7.4
Elektronik	29	7.1
Industri	29	7.1
Sistem Elektrik	30	7.4
Mekatronik	29	7.1

Pembuatan	30	7.4
Bahan	30	7.4
Metalurgi	30	7.4
Jumlah	407	100.0

- d. Komposisi menurut Mod kemasukan: 255 pelajar adalah terdiri daripada pelajar lepasan Matrikulasi (63.0%), diikuti pelajar lepasan Diploma seramai 83 orang (20.5%) dan pelajar lepasan STPM seramai 67 orang (16.5%).

Jadual 5: Mod Kemasukan

Mod Kemasukan	Frekuensi	Peratus
Matrikulasi	255	63.0
STPM	67	16.5
Diploma	83	20.5
Jumlah	407	100.0

- e. Komposisi menurut pemilihan IPT dan program pengajian:
- i. Seramai 139 responden (34.3%) telah memilih KUKUM dan pada masa yang sama telah berjaya mendapat program pilihan masing-masing.
 - ii. Hanya 10 responden (2.5%) merupakan pelajar yang telah memilih KUKUM tetapi gagal mendapat program kejuruteraan yang diinginkan. Para pelajar ini telah ditawarkan dengan program kejuruteraan yang lain di KUKUM.
 - iii. Majoriti 224 responden (55.3%) didapati tidak memilih mana-mana program kejuruteraan di KUKUM, tetapi memilih program kejuruteraan di IPTA lain. Namun begitu para pelajar ini telah menerima tawaran program kejuruteraan di KUKUM.
 - iv. Manakala pelajar yang sama sekali tidak memilih KUKUM dan mana-mana program kejuruteraan lain adalah seramai 32 responden (7.9%).

Jadual 6: Komposisi Menurut Pemilihan IPT

IPT Pilihan	Frekuensi	Peratus
Dapat IPT Pilihan & Dapat Program Pilihan	139	34.3
Dapat IPT Pilihan & Tak Dapat Program Pilihan	10	2.5
Tak Dapat IPT Pilihan & Dapat Program Pilihan	224	55.3
Tak Dapat IPT Pilihan & Tak Dapat Program Pilihan	32	7.9

Jumlah	405	100.0
---------------	------------	--------------

- f. Komposisi menurut pendapatan keluarga: Kebanyakan responden (32.9%) datang dari keluarga yang berpendapatan sederhana (RM751-RM1500).

Jadual 7: Komposisi Menurut Pendapatan Keluarga

Pendapatan	Frekuensi	Peratus
RM250 Ke bawah	22	6.4
RM251 - RM500	47	13.7
RM501 - RM750	45	13.1
RM751 - RM1000	56	16.3
RM1001 - RM1500	57	16.6
RM1501 - RM2000	37	10.8
RM2001 - RM3000	39	11.4
RM3001 Ke atas	40	11.7
Jumlah	343	100.0


DAPATAN KAJIAN

A. Prestasi Akademik Menurut Jantina Pelajar

Jadual 8: Jantina Vs Prestasi Akademik KUKUM

	PNGK KUKUM			
	2.0 ke bwh	2.0 - 2.66	2.67 - 3.33	3.34 - 4.0
Lelaki	2.88%	49.38%	39.92%	7.82%
Perempuan	1.22%	28.05%	56.71%	14.02%

Graf 1: Jantina Vs Prestasi Akademik




1. Graf diatas menunjukkan perbandingan keputusan antara pelajar lelaki dan perempuan di KUKUM hasil daripada 407 responden.
2. sebanyak 70.73% pelajar perempuan mencatatkan keputusan diantara B- hingga A berbanding 47.74% pelajar lelaki.
3. Pelajar lelaki mencapai gred C & C+ adalah sebanyak 49.38%, manakala 2.88% tergolong didalam gred di bawah C, manakala pelajar perempuan merekodkan 28.05% gred C & C+ dan hanya 1.22% di bawah C.
4. Terdapat perbezaan yang signifikan antara Jantina dengan prestasi akademik dengan nilai $p = 0.000$ (Ujian t).
5. Tetapi tidak wujud perbezaan yang signifikan antara Jantina dengan PNGK kemasukan dengan nilai $p = 0.605$ (Ujian t)

Jadual 8.1: Prestasi Menurut Jantina (Melayu)

PNGK	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
0.00 - 1.99	3.66	1.57	2.83
2.00 - 2.66	58.12	34.65	48.74
2.67 - 3.32	35.60	62.20	46.23
3.33 - 4.00	2.62	1.57	2.20

Graf 2: Prestasi Menurut Jantina (Melayu)




- Adalah didapati prestasi akademik mengikut jantina bagi pelajar Bumiputera amat ketara sekali iaitu pelajar perempuan mempunyai keputusan akademik yang lebih tinggi dengan peratusan sebanyak 63.77% (gred B hingga A) berbanding dengan pelajar lelaki yang hanya menunjukkan peratusan sebanyak 38.22%.

B. Prestasi Akademik Menurut Kumpulan Etnik

Jadual 9: Bangsa Vs Prestasi Akademik KUKUM

Kumpulan Etnik	PNGK KUKUM			
	2.0 ke bwh	2.0 - 2.66	2.67 - 3.33	3.34 - 4.0
Bumiputera	2.83%	48.74%	46.23%	2.20%
Cina	0.00%	8.33%	38.33%	53.33%
India	0.00%	20.69%	68.97%	10.34%

Graf 3: Etnik Vs Prestasi Akademik



1. Pelajar Cina menunjukkan pencapaian prestasi akademik yang terbaik dengan 53.33% mencatatkan gred A. berbanding 10.34% pelajar India dan 2.20% pelajar bumiputra.
2. Tiada pelajar India dan Cina yang mencatatkan keputusan di bawah gred C manakala 2.83% pelajar bumiputra telah merekodkan keputusan di bawah gred C.
3. Sebanyak 94.97% pelajar bumiputra mencapai keputusan gred diantara C dan B (2.0 hingga 3.33).
4. Untuk keputusan A & B, 91.66% pelajar Cina memperolehinya, manakala 79.31% bagi pelajar India dan hanya 48.43% pelajar bumiputra mencatatkannya.
5. Dari analisis statistik yang dilakukan didapati perbezaan yang signifikan antara bangsa dengan prestasi akademik dengan nilai $p = 0.000$ (Ujian Anova Satu Hala).


C. Prestasi Akademik Menurut Mod Kemasukan

Jadual 10: Mod Kemasukan Pelajar KUKUM Vs Prestasi Akademik Pelajar KUKUM

		Prestasi				
		<2.00	2.00 - 2.66	2.67 - 3.33	>3.33	
Mod Kemasukan	Matrikulasi	1.96	47.84	48.24	1.96	100.00
	STPM	0.00	11.94	46.27	41.79	100.00
	Diploma	4.82	42.17	42.17	10.84	100.00

Jumlah	2.22	40.74	46.67	10.37	100.00
--------	------	-------	-------	-------	--------

Graf 4: Mod Kemasukan Vs Prestasi




1. Mod kemasukan pelajar ke KUKUM melalui tiga saluran utama iaitu Matrikulasi, STPM dan Diploma.
2. Prestasi pelajar yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar yang menggunakan mod kemasukan STPM telah mencatatkan pencapaian prestasi akademik terbaik. Daripada 67 orang responden, 41.79% mencatatkan PNGK melebihi 3.33 (Gred A).
3. Pelajar Diploma mencatatkan keputusan kedua terbaik dengan 10.84% mencapai Gred A manakala pelajar Matrikulasi hanya mencatatkan 1.96%.
4. Pelajar Diploma menunjukkan prestasi paling rendah dengan mencatatkan 4.82% keputusan di bawah 2.0 (Gred C) diikuti oleh pelajar Matrikulasi dengan 1.96%. Dan tiada pelajar STPM yang memperolehi keputusan Gred C.
5. Manakala pelajar yang mencapai keputusan sederhana (2.0 hingga 3.33) iaitu Gred C dan B menunjukkan trend yang agak sekata.

D. Prestasi Akademik Menurut PNGK Kemasukan

Jadual 11 : PNGK Kemasukan Pelajar Vs Prestasi Akademik KUKUM

PNGK Kemasukan	PNGK KUKUM			
	2.0 ke bwh	2.0 - 2.66	2.67 - 3.33	3.34 - 4.0
2.0 ke bwh	3.26%	69.57%	25.00%	2.17%
2.0 - 2.66	2.36%	39.15%	51.42%	7.08%
2.67 - 3.33	1.28%	21.79%	64.10%	12.82%
3.34 - 4.0	0.00%	8.00%	32.00%	60.00%

Graf 5: PNGK Kemasukan Vs Prestasi Akademik




1. PNGK kemasukan yang baik tidak memberi jaminan terhadap prestasi akademik KUKUM. Hal ini dapat dilihat melalui pengukuran statistik (Anova satu hala) yang menunjukkan hubungan kedua-duanya adalah signifikan ($p=0.000$).

E. Prestasi Akademik Menurut IPT dan Program Pilihan.

Jadual 12: IPT dan Program Pilihan Vs Prestasi Akademik KUKUM

IPT & Program Pilihan	PNGK KUKUM				
	<2.00	2.00 - 2.66	2.67- 3.33	> 3.33	
1	2.16	48.20	42.45	7.19	100.00
2	10.00	40.00	30.00	20.00	100.00
3	2.23	38.84	50.45	8.48	100.00
4	0.00	21.88	43.75	34.38	100.00

Graf 6: IPT Pilihan Vs Prestasi



1. Jadual di atas menunjukkan IPT dan program pilihan pelajar dengan prestasi akademik pelajar KUKUM. IPT pilihan tersebut dikategorikan kepada 4 kategori iaitu; 1(IPT pilihan & Program pilihan), 2(IPT pilihan & tidak dapat program pilihan), 3 (IPT bukan pilihan & program pilihan), 4(IPT bukan pilihan & bukan program pilihan).
2. Keputusan menunjukkan bahawa kategori 4 memperoleh prestasi akademik terbaik dengan catatan keputusan peratusan tertinggi iaitu 34.38%.
3. Keputusan menunjukkan di luar jangkaan di mana kategori 1 hanya mencatatkan keputusan dengan peratusan paling rendah iaitu sebanyak 7.19% sahaja.


F. Prestasi Akademik Berbanding Pendapatan Keluarga.

Jadual 13: Pendapatan Keluarga Pelajar Vs Prestasi Akademik KUKUM

Pendapatan Keluarga	PNGK KUKUM			
	2.0 ke bwh	2.0 - 2.66	2.67 - 3.33	3.34 - 4.0

RM500 ke bwh	1.45%	36.23%	57.97%	4.35%
RM500 – RM1000	1.98%	37.62%	48.51%	11.88%
RM1000 - RM3000	2.13%	43.62%	40.43%	13.83%
RM3000 ke bwh	1.27%	41.77%	49.37%	7.59%

Graf 7: Pendapatan Vs Prestasi Akademik



1. Graf diatas menunjukkan perbandingan pendapatan keluarga dengan keputusan pelajar KUKUM.
2. Faktor pendapatan keluarga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara diantara satu kategori pendapatan ke satu kategori pendapatan yang lain.


G. Prestasi Akademik Berdasarkan PNGK Kemasukan Menurut Program Pengajian

Jadual 14: Program pengajian Vs PNGK Kemasukan.

Program Pengajian	PNGK Kemasukan				Total
	2.00 - 2.49	2.50 - 2.99	3.00 - 3.49	3.50 - 4.00	
1	14.61	62.92	17.98	4.49	100.00
2	20.00	53.33	26.67	0.00	100.00
3	23.75	55.00	18.75	2.50	100.00

4	26.67	50.00	16.67	6.67	100.00
5	27.59	44.83	24.14	3.45	100.00
6	26.67	46.67	20.00	6.67	100.00
7	31.03	44.83	10.34	13.79	100.00
8	26.67	40.00	16.67	16.67	100.00
9	30.00	43.33	20.00	6.67	100.00
10	13.33	53.33	23.33	10.00	100.00
Jumlah	22.60	52.09	19.16	6.14	100.00

Graf 8: Program Pengajian Vs PNGK Kemasukan



Petunjuk Program Pengajian

1.Mikroelektronik	2.Elektronik
3.Komputer	4.Perhubungan
5.Elektronik Industri	6.Sistem elektrik
7.Mekatronik	8.Pembuatan
9.Bahan	10.Metallurgi

- Keputusan kajian di atas menunjukkan bahawa secara puratanya pelajar yang mempunyai PNGK kemasukan yang tinggi (3.5 hingga 4.0) di dapati tidak terdapat dalam program pengajian Elektronik dan bagi kategori PNGK tersebut juga didapati pelajar paling kurang dalam program pengajian Komputer (2.50%)r dan Elektronik Industri (3.45%%).
- Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan program pengajian di KUKUM diisi oleh pelajar yang mempunyai tahap prestasi akademik pada tahap sederhana (gred C+ hingga B-) iaitu purata peratusan sebanyak 51.0%. Manakala lebih


kurang 40.0% sahaja pelajar yang mendapat keputusan minimum gred C mengisi kebanyakan program pengajian di KUKUM.

H. Prestasi Pelajar Berdasarkan PNGK Kemasukan Berbanding Mod Kemasukan

Jadual 15: Mod Kemasukan Vs PNGK Kemasukan Pelajar

Mod Kemasukan	PNGK Kemasukan Pelajar			
	2.00 – 2.49	2.50 - 2.99	3.00 - 3.49	3.50 - 4.00
Matrikulasi	30.98	52.16	14.51	2.35
STPM	17.91	53.73	17.91	10.45
Diploma	1.20	50.60	33.73	14.46

Graf 9: Mod Kemasukan Vs PNGK Kemasukan



1. Jadual di atas menunjukkan bahawa prestasi kemasukan pelajar melalui saluran Diploma mempunyai nilai PNGK yang paling tinggi (14.45%), STPM (10.35%) dan diikuti oleh pelajar Matrikulasi(2.35%).
2. Selain itu, terdapat perbezaan PNGK kemasukan pelajar yang amat signifikan di antara pelajar Matrikulasi, STPM dan Diploma dengan nilai $p = 0.000$ (Ujian Khi Kuasa 2)

RUMUSAN KAJIAN

A. Rumusan Mengikut Jantina & Kumpulan Etnik terhadap Prestasi Akademik

1. Terdapat perbezaan prestasi yang amat signifikan di antara jantina. Ini adalah disebabkan bagi pelajar Bumiputera, di dapati bahawa pelajar perempuan mempunyai keputusan akademik yang jauh lebih tinggi (63.77% gred B hingga A) berbanding dengan pelajar lelaki (38.22% gred B hingga A).
2. Dapatan kajian menjelaskan prestasi pelajar mengikut tahap kecemerlangan akademik didominasi oleh etnik Cina iaitu sebanyak (91.62% gred B hingga A), India (79.31% gred B hingga A) dan diikuti oleh Bumiputera (48.43% gred B hingga A).
3. Keputusan kajian mendapati tiada pelajar Cina dan India yang menduduki kategori pencapaian akademik yang lemah (Bawah C- hingga F). Manakala masih kedapatan pelajar bumiputera yang berada kategori tersebut dengan peratusan sebanyak 2.83%.

B. Rumusan Mengikut Mod Kemasukan & PNGK Kemasukan terhadap Prestasi Akademik

1. Kajian mendapati mod kemasukan STPM mewakili pencapaian prestasi akademik tertinggi (41.79% dengan memperolehi PNGK melebihi 3.33). Sebaliknya pelajar Matrikulasi bagi kategori tersebut menunjukkan pencapaian akademik paling rendah (1.96% dengan memperolehi PNGK melebihi 3.33).
2. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan PNGK kemasukan yang baik juga mempengaruhi prestasi akademik KUKUM. Keputusan menunjukkan hubungan keduanya adalah signifikan secara statistik.

C. Rumusan IPT pilihan terhadap Prestasi Akademik

1. Hasil kajian mendedahkan bahawa pelajar yang tidak memilih KUKUM dan tidak memilih program pengajian kejuruteraan merekodkan keputusan yang cemerlang berbanding pelajar yang memilih KUKUM dan memilih program kejuruteraan menunjukkan keputusan sebaliknya.

D. Rumusan Program Pengajian terhadap PNGK Kemasukan

1. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara puratanya pelajar yang mempunyai PNGK kemasukan yang tinggi (3.50 hingga 4.00) di dapati tidak terdapat dalam program pengajian Elektronik dan bagi kategori PNGK tersebut juga didapati pelajar paling kurang dalam program pengajian Komputer (2.50%) dan Elektronik Industri (3.45%).
2. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan program pengajian di KUKUM diisi oleh pelajar yang mempunyai tahap prestasi akademik sederhana (gred C+ hingga B-) iaitu dengan peratusan sebanyak 51.0%. Manakala lebih kurang 40.0% sahaja pelajar

- yang mendapat keputusan minimum gred C mengisi kebanyakan program pengajian di KUKUM.
3. Hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan PNGK kemasukan pelajar yang amat signifikan di antara pelajar Matrikulasi, STPM dan Diploma dengan nilai $p = 0.000$ (Ujian Khi Kuasa 2)

CADANGAN KAJIAN

Oleh kerana kajian ini merupakan satu kajian penerokaan berasaskan data sekunder sebenar yang diperolehi daripada rekod kemasukan pelajar-pelajar KUKUM melalui Unit Kemasukan dan Rekod dan Unit Peperiksaan Jabatan Pendaftar, maka adalah dengan ini dicadangkan:

1. Mewujudkan program akademik di peringkat diploma untuk meningkatkan bilangan pelajar KUKUM dan sebagai penyumbang utama ke program ijazah.
2. Memberi penilaian semula PNGK kemasukan pelajar ke KUKUM.
3. Memberi penilaian semula terhadap kemasukan mod diploma.
4. Satu mekanisme perlu diwujudkan untuk menarik kemasukan pelajar ke KUKUM dengan melibatkan penyertaan secara kolektif dari pihak Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK). Dimana PPK perlu mengadakan perancangan promosi secara rasmi dan dimasukkan dalam kalendar akademik PPK.
5. Kajian ini perlu dilakukan secara berterusan sekurang-kurang sekali dalam setahun dengan menilai pelbagai petunjuk dalam membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti pengambilan pelajar.

RUJUKAN

- [1] Alyas Mohammad, 1996, *Pendidikan Teknikal di Malaysia Dalam Mencapai Wawasan 2020* dalam Jurnal Akademik MPTBR Jilid IX tahun 1995/96.
- [2] Azlan, M.Z., 1999, *Model Peningkatan Kualiti Pencapaian Pelajar Berdasarkan Penilaian Aspek Tingkah Laku*, Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [3] Chartier, A.W., 1992, *Demands on Graduates* dalam *Sportlight on Education*, vol. 81, no. 15.
- [4] *Data Kemasukan Pelajar, 2003-2005*, Unit Kemasukan dan Rekod, Jabatan Pendaftar, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.
- [5] *Data Keputusan Peperiksaan tahun 2003-2005*, Unit Peperiksaan, Jabatan Pendaftar, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.
- [6] Mann, Prem S., 2003, *Introductory Statistics 5th Edition*, John Wiley & Sons Inc.
- [7] M.J. Noursis, 1998, *SPSS 8.0: Guide to Data Analysis*, Prentice Hall, New Jersey.